

# GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR  
GEOSAINS TAHUN 3

*m.s. : 20*





# MAJLIS PENUTUP KOLOKIUUM PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR (PROGRAM SEL & SEG)

FAKULTI SAINS BUMI  
SESI SEPTEMBER 2022/2023

TARIKH: 26 JANUARI 2023  
TEMPAT: KULIAH 1 (CAMELLIA)  
MASA: 12.00 TENGAH HARI - 1.00 PETANG

## KOLOKIUUM PROJEK PENYELIDIKAN II

**SESI AKADEMIK SEMESTER SEPTEMBER  
2022/2023**

Nor Sayzwani Sukri, Roniza Ismail

Kolokium projek penyelidikan tahun akhir telah berjalan dengan jayanya pada 24 -26 Januari 2023. Bagi meraikan usaha dan penat lelah pelajar dalam menyelesaikan projek penyelidikan tahun akhir, majlis penutup kolokium projek penyelidikan tahun akhir telah dijalankan pada 26 Januari 2023 bertempat di Bilik Camillia, Fakulti Sains Bumi. Seramai 56 pelajar dari Program SEL dan 48 pelajar dari program SEG telah menyertai kolokium ini.

Kolokium ini bertujuan untuk pelajar membentangkan penemuan, analisis dan hasil kajian projek tahun akhir mereka dengan dinilai oleh barisan akademik dari program masing-masing. Secara umumnya, setelah melalui proses menjayakan projek penyelidikan tahun akhir yang melibatkan dua semester pengajian, pelajar dapat mengorganisasikan penyelidikan, kerja lapangan atau kerja makmal mengikut ilmu yang telah mereka pelajari.



Dihari yang penuh bermakna ini pembentang terbaik dari Program SEL adalah Siti Noor Balqis Bukhari, Sarafiza Jamil dan Yogapria A/P Sathianathan manakala bagi Program SEG pula adalah Heeralena A/P Arul Patrick, Nur Farhana Ab Malik Marwan dan Muhammad Hamdani Haszlan. Pembentang terbaik ini dipilih berdasarkan sesi pembentangan kolokium yang telah mereka harungi. Hadiah pembentang terbaik telah disampaikan oleh oleh Ketua Jabatan Goesains iaitu Dr. Nursufiah Sulaiman. Majlis penutup ini juga telah diserikan dengan kehadiran barisan pensyarah dari kedua-dua program.